



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

**'KEJUJURAN DAN KETEKUNAN'
'PRODUKTIVITI TINGGI AMALAN KITA'**



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : (5) dlm. IPK. Sel.
20279/7/2 Jld. 7
Rabiulawal 1431 H
Februari 2010

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah
Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha,
Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 4 TAHUN 2010


MEMOHON KERJASAMA JABATAN, AGENSI SERTA BADAN BERKANUN DI PERINGKAT NEGERI DALAM URUSAN PENDAFTARAN PEMILIH (PENGUNDI)

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima daripada Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia bertarikh 25 Januari 2010 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sekalian diminta mengambil perhatian akan para 2 hingga 5 di surat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"


(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)



SETIAUSAHA
 Secretary
 SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
 Election Commission Malaysia
 ARAS 5, BLOK C7, PARCEL C
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62690 PUTRAJAYA




Telefon : 603-8885666
 Fax : 603-88889113
 E-mail : setiausaha@spr.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: SPR(O)300/1/2 Jld.18 (66)

Tarikh: 25 Januari 2010



*rumah [unclear]
 22/10
 Umar*

Y.B. Dato' Ramli Bin Mahmud
 Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
 Tingkat 19,
 Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40000 Shah Alam
 Selangor

[Signature]

DAYA MARINEDI BINTI OSMAN
 (SUK (M))

Dato'

*Dato' Ramli
 Setiausaha Kerajaan Negeri
 Selangor*

DATO' RAMLI MAHMUD
 SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
 SELANGOR

MEMOHON KERJASAMA JABATAN, AGENSI SERTA BADAN BERKANUN DI PERINGKAT NEGERI DALAM URUSAN PENDAFTARAN PEMILIH (PENGUNDI)

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y.B. Dato' mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.B. Dato' adalah dianggarkan seramai 4.38 juta warganegara yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai pemilih masih belum mendaftar sebagai pemilih. Sehubungan dengan itu, **SPR sedang berusaha untuk menambah bilangan pemilih berdaftar dengan SPR.** Bagi tujuan ini, **SPR memerlukan bantuan dan kerjasama daripada semua pihak terutamanya daripada jabatan, agensi serta badan berkanun di peringkat negeri.**



Bantuan dan kerjasama yang diperlukan adalah **bagi memastikan semua pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan kerajaan di semua peringkat mendaftar sebagai pemilih sekiranya telah layak**. Mana-mana pegawai dan kakitangan yang berminat, boleh dicadangkan untuk dilantik sebagai penolong pendaftar (wakil jabatan) bagi membantu SPR mendaftar pemilih di agensi Y.B. Dato'.

3. Bagi tujuan mewujudkan kesedaran di kalangan warganegara, **SPR juga memohon bantuan untuk mempromosikan urusan pendaftaran pemilih dalam program-program yang dilaksanakan oleh jabatan, agensi serta badan berkanun sama ada di peringkat negeri atau daerah**. Sehubungan dengan itu, **SPR amat berbesar hati sekiranya dapat bekerjasama dengan mana-mana jabatan, agensi atau badan berkanun bagi melaksanakan apa-apa program dengan Ibu Pejabat SPR atau mana-mana Pejabat Pilihan Raya Negeri dalam usaha untuk mempromosikan urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih**.

4. Di samping itu juga, SPR amat menggalakkan semua pemilih berdaftar supaya sentiasa menyemak maklumat pendaftaran mereka, terutamanya kepada pemilih yang telah berpindah alamat mastautin atau alamat tetap mereka. **Bagi pemilih yang telah berpindah ke alamat mastautin/tetap yang baru, mereka perlu mengemas kini alamat mereka di Jabatan Pendaftaran Negara dan seterusnya bolehlah memohon dengan SPR untuk menukar alamat pusat mengundi berdasarkan alamat mastautin yang baru**.


5. Sehubungan dengan itu, dipohon sokongan, bantuan dan kerjasama Y.B. Dato' untuk memaklumkan kepada semua ketua jabatan, agensi serta badan berkanun di bawah pentadbiran supaya dapat membantu SPR dalam usaha menambah bilangan pemilih berdaftar dan mengemas kini daftar pemilih sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 2, 3 dan 4 di atas. Semoga dengan sokongan padu, bantuan dan kerjasama erat Y.B. Dato', dapat membantu SPR dalam usaha untuk menarik minat orang ramai untuk mendaftar sebagai pemilih.

6. Di atas segala kerjasama Y.B. Dato' berikan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEKAP DAN TELUS”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NGAH SENIK)

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya
Malaysia.

s.k.

1. Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
Ketua Setiausaha Negara
Pejabat Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
62502 Putrajaya
2. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof
Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
Aras 5, Blok C7, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62690 Putrajaya
3. Semua Pengarah Pilihan Raya Negeri